

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLINDUNGAN VARIETI TUMBUHAN, 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Perintah ini hendaklah terikat kepada Kerajaan
4. Pengenaan

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

5. Pendaftar Varieti Tumbuhan dan pegawai lain
6. Perwakilan oleh Pendaftar
7. Pejabat Pendaftaran Varieti Tumbuhan
8. Meterai Pejabat Pendaftaran
9. Kuasa Pendaftar
10. Tidak mematuhi saman menjadi suatu kesalahan
11. Enggan memberi keterangan menjadi suatu kesalahan
12. Kos diawardkan oleh Pendaftar

BAHAGIAN III

PERMOHONAN BAGI PEMBERIAN PERLINDUNGAN

13. Permohonan bagi pemberian perlindungan
14. Keutamaan disebabkan permohonan asing
15. Penyiaran
16. Bantahan terhadap nama pengenalan dan pemberian perlindungan
17. Pemeriksaan varieti tumbuhan
18. Penarikan balik atau luputnya permohonan
19. Perlindungan sementara

BAHAGIAN IV

PEMBERIAN DAN PEMBATALAN PERLINDUNGAN

20. Pembuatan pemberian perlindungan
21. Syarat-syarat pemberian perlindungan
22. Varieti dibiakkan atau ditemui dan dibangunkan secara bebas oleh 2 orang atau lebih
23. Tempoh pemberian perlindungan
24. Alasan ketidaksahan pemberian perlindungan
25. Pembatalan pemberian perlindungan
26. Penolakan hak penerima pemberian

BAHAGIAN V

SKOP DAN JENIS PEMBERIAN PERLINDUNGAN

27. Skop dan jenis pemberian perlindungan
28. Varieti tumbuhan yang pada asasnya diterbitkan dan varieti tumbuhan lain yang tertentu

29. Pelanggaran pemberian perlindungan
30. Kekecualian kepada pelanggaran pemberian perlindungan
31. Kehabisan pemberian perlindungan

BAHAGIAN VI

KEBENARAN DAN LESEN WAJIB

32. Hak di bawah kebenaran
33. Lesen wajib

BAHAGIAN VII

NOTIS PERLINDUNGAN

34. Notis perlindungan

BAHAGIAN VIII

NAMA PENGENALAN

35. Kelulusan dan pendaftaran nama pengenalan
36. Penggunaan nama pengenalan
37. Ketidaksahan pendaftaran nama pengenalan

BAHAGIAN IX

DAFTAR VARIETI TUMBUHAN

38. Daftar hendaklah diselenggarakan
39. Pemeriksaan dan cabutan dari daftar
40. Pembetulan daftar
41. Perubahan ditunjukkan dalam daftar
42. Pendaftaran adalah keterangan *prima facie* mengenai kesahan

BAHAGIAN X

KESALAHAN

43. Pemalsuan daftar
44. Menyatakan dengan salah varieti tumbuhan sebagai varieti yang dilindungi
45. Penyalahgunaan nama pengenalan

BAHAGIAN XI

BANTUAN OLEH PIHAK BERKUASA SEMPADAN

46. Tafsiran Bahagian ini
47. Sekatan pengimportan barang-barang langgaran
48. Jaminan bagi liabiliti atau perbelanjaan perampasan
49. Penyimpanan selamat barang-barang rampasan
50. Notis rampasan
51. Pemeriksaan, pelepasan dll. barang-barang rampasan
52. Perlucutan hak barang-barang rampasan dengan persetujuan
53. Pelepasan wajib barang-barang rampasan kepada pengimport
54. Pampasan kerana gagal mengambil tindakan
55. Tindakan kerana pelanggaran pemberian perlindungan
56. Pengekalan kawalan ke atas barang-barang rampasan
57. Pelupusan barang-barang rampasan yang diperintahkan untuk dilucut hak
58. Jaminan tidak mencukupi
59. Penahanan dan pemeriksaan barang-barang

BAHAGIAN XII

AM

60. Pendaftar tidak bertanggung berkaitan dengan perbuatan rasmi
 61. Hak untuk merayu
 62. Borang dan arahan Pendaftar
 63. Bayaran
 64. Komposisi kesalahan
 65. Bidang kuasa Mahkamah
 66. Aturan-aturan
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLINDUNGAN VARIETI TUMBUHAN, 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlindungan Varieti Tumbuhan, 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk melindungi varieti tumbuhan dan bagi apa-apa perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“pemohon”, berkenaan dengan apa-apa permohonan, bermakna orang yang membuat permohonan itu atau orang yang bagi pihaknya permohonan itu dibuat;

“permohonan” bermakna permohonan bagi pemberian perlindungan;

“pemiak baka”, berkenaan dengan mana-mana varieti tumbuhan, bermakna –

(a) tertakluk pada perenggan (b), seseorang yang membiakkan baka, atau menemui dan membangunkan, varieti tumbuhan itu;

(b) jika varieti tumbuhan itu dibiakkan baka, atau ditemui dan dibangunkan, oleh seseorang semasa melaksanakan kewajipan atau tugasnya sebagai seorang pekerja kepada orang lain, orang lain itu; atau

(c) pemegang hak milik kepada orang dalam perenggan (a) atau (b), mengikut mana yang berkenaan;

“Konvensyen” bermakna perjanjian antarabangsa yang dipanggil Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan bertarikh 2hb Disember 1961, sebagaimana yang disemak atau dipinda dari semasa ke semasa;

“Mahkamah” bermakna Mahkamah Tinggi;

“nama pengenalan” bermakna nama atau pengenalan yang membezakan bagi suatu varieti tumbuhan;

“pemberian perlindungan” bermakna pemberian perlindungan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah bab 20;

“penerima pemberian” bermakna pemegang pemberian perlindungan;

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi varieti tumbuhan;

“tumbuhan” termasuk segala kulat dan alga tetapi tidak termasuk bakteria, bakteroid, mikoplasma, virus, viroid dan bakteriofaj;

“wakil prosedur”, berkenaan dengan mana-mana varieti tumbuhan, bermakna seseorang yang bermastautin atau mempunyai sebuah pejabat di Negara Brunei Darussalam dan seseorang yang dilantik oleh pembiak baka varieti itu untuk bertindak bagi pihaknya berkaitan dengan pembuatan apa-apa permohonan bagi, atau mana-mana prosiding berkenaan dengan, pemberian perlindungan bagi varieti itu;

“bahan pembiakan”, berkenaan dengan suatu tumbuhan daripada suatu varieti tumbuhan tertentu, bermakna mana-mana bahagian atau produk yang daripadanya, sama ada dengan sendirinya atau dalam gabungan bahagian atau produk lain tumbuhan itu, tumbuhan lain dengan ciri-ciri yang sama boleh dihasilkan;

“pemiakan”, berkenaan dengan suatu tumbuhan atau mana-mana komponennya, bermakna pertambahan, pengkulturan atau penggandaan tumbuhan atau komponen itu;

“varieti terlindung” bermakna suatu varieti tumbuhan yang berkaitan dengannya syarat-syarat perlindungan menurut bab-bab 21 dan 35 dipatuhi;

“daftar” bermakna daftar varieti tumbuhan yang diselenggarakan di bawah bab 38;

“Pendaftar” bermakna Pendaftar Varieti Tumbuhan yang disebut dalam bab 5;

“Pejabat Pendaftaran” bermakna Pejabat Pendaftaran Varieti Tumbuhan yang disebut dalam bab 7;

“tempoh”, berkenaan dengan pemberian perlindungan, bermakna tempoh pemberian perlindungan di bawah bab 23;

“ahli UPOV” bermakna sebuah negara atau suatu pihak antara kerajaan kepada Konvensyen yang menjadi ahli Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan yang ditubuhkan menurut Konvensyen;

“varieti” bermakna suatu kumpulan tumbuhan dalam takson botani tunggal daripada peringkat terendah yang diketahui, kumpulan itu, tidak kira sama ada syarat-syarat bagi pemberian hak pembiak baka dipenuhi sepenuhnya, dapat —

(a) ditakrifkan dengan penjelasan ciri-ciri yang terhasil daripada suatu genotip tertentu atau gabungan genotip;

(b) dibezakan daripada mana-mana kumpulan tumbuhan lain dengan penjelasan sekurang-kurangnya satu ciri tersebut; dan

(c) dianggap sebagai suatu unit berhubung dengan kesesuaiannya untuk dibiakkan tanpa sebarang perubahan.

Perintah ini hendaklah terikat kepada Kerajaan

3. Perintah ini hendaklah terikat kepada Kerajaan tetapi tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menyebabkan Kerajaan kena didakwa atas suatu kesalahan.

Pengenaan

4. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada segala genus dan spesis tumbuhan.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pendaftar Varieti Tumbuhan dan pegawai lain

5. (1) Maka hendaklah ada seorang Pendaftar Varieti Tumbuhan yang mempunyai kawalan utama ke atas Pejabat Pendaftaran Varieti Tumbuhan.

(2) Maka hendaklah ada seorang atau lebih Timbalan Pendaftar Varieti Tumbuhan yang, tertakluk kepada kawalan Pendaftar, mempunyai segala kuasa dan tugas Pendaftar di bawah Perintah ini, selain daripada kuasa-kuasa Pendaftar di bawah bab 6.

(3) Maka hendaklah ada seorang atau lebih Penolong Pendaftar Varieti Tumbuhan.

(4) Pendaftar dan semua pegawai lain di bawah bab ini hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pewakilan oleh Pendaftar

6. (1) Pendaftar boleh, berhubung dengan suatu perkara atau kelas perkara tertentu, secara bertulis dengan tandatangannya, mewakilkan segala atau mana-mana kuasa atau tugasnya di bawah Perintah ini (kecuali kuasa untuk mewakilkan ini) kepada seorang Penolong Pendaftar Varieti Tumbuhan supaya kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diwakilkan ini boleh dijalankan oleh wakil itu berkenaan dengan perkara atau kelas perkara yang dinyatakan dalam surat cara pewakilan.

(2) Pewakilan di bawah bab ini boleh dibatalkan atas kehendak dan pewakilan tidaklah menghalang penjalanan suatu kuasa atau tugas oleh Pendaftar atau oleh mana-mana Timbalan Pendaftar Varieti Tumbuhan.

Pejabat Pendaftaran Varieti Tumbuhan

7. Bagi maksud-maksud Perintah ini, maka hendaklah ada sebuah pejabat yang akan dikenali sebagai Pejabat Pendaftaran Varieti Tumbuhan.

Meterai Pejabat Pendaftaran

8. Maka hendaklah ada suatu meterai Pejabat Pendaftaran dan cap meterai itu hendaklah diberikan pengiktirafan kehakiman.

Kuasa Pendaftar

9. Pendaftar boleh, bagi maksud-maksud Perintah ini —

(a) menyaman saksi-saksi;

(b) menerima keterangan bersumpah, sama ada secara lisan atau pun selainnya; dan

(c) menghendaki pengemukaan dokumen atau barang.

Tidak mematuhi saman menjadi suatu kesalahan

10. (1) Seseorang yang telah disaman untuk hadir sebagai seorang saksi di hadapan Pendaftar tidak boleh, tanpa alasan yang sah, gagal hadir bagi mematuhi saman itu.

(2) Seseorang yang telah dikehendaki oleh Pendaftar untuk mengemukakan suatu dokumen atau barang tidak boleh, tanpa alasan yang sah, gagal mengemukakan dokumen atau barang itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

Enggan memberi keterangan menjadi suatu kesalahan

11. (1) Seseorang yang hadir di hadapan Pendaftar tidak boleh, tanpa alasan yang sah, enggan mengangkat sumpah atau membuat suatu ikrar, atau mengemukakan dokumen atau barang, atau menjawab soalan, yang dia dikehendaki di sisi undang-undang untuk mengemukakan atau menjawabnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

Kos diawardkan oleh Pendaftar

12. (1) Pendaftar boleh mengawardkan kos berkaitan dengan perkara-perkara, dan dalam amaun yang diperuntukkan dalam aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini, terhadap mana-mana pihak kepada prosiding yang dibawa di hadapannya.

(2) Aturan-aturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi penetapan kos, atau mana-mana bahagian kos, oleh Pendaftar.

(3) Suatu pihak yang ingin mendapatkan kos atau meminta supaya kos itu ditetapkan mestilah memohon kepada Pendaftar menurut aturan-aturan itu.

(4) Jika suatu pihak diperintahkan membayar kos pihak lain, kos itu boleh didapatkan balik dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak sebagai suatu hutang yang kena dibayar oleh pihak pertama kepada pihak yang satu lagi.

BAHAGIAN III

PERMOHONAN BAGI PEMBERIAN PERLINDUNGAN

Permohonan bagi pemberian perlindungan

13. (1) Permohonan bagi pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan hendaklah dibuat oleh pembiak baka varieti tumbuhan itu mengikut cara yang ditetapkan kepada Pendaftar.

(2) Permohonan itu hendaklah mengandungi atau disertakan dengan yang berikut —

(a) suatu perihalan varieti tumbuhan itu;

(b) nama pengenalan yang dicadangkan, atau rujukan pembiak baka, bagi varieti tumbuhan yang layak diluluskan dan didaftarkan di bawah bab 35;

(c) alamat penyampaian berkenaan dengan permohonan itu, iaitu suatu alamat di Negara Brunei Darussalam; dan

(d) jika hak mendapat keutamaan dituntut di bawah bab 14, butir-butir lengkap permohonan keutamaan berkaitan mestilah dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pemfailan.

(3) Permohonan itu hendaklah disertakan dengan suatu bayaran permohonan dan bayaran lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(4) Permohonan yang mematuhi ceraihan-ceraian (1), (2) dan (3) pada masa ia diterima di Pejabat Pendaftaran hendaklah, bagi maksud-maksud Perintah ini, dianggap sebagai telah dibuat pada masa itu.

(5) Permohonan yang tidak mematuhi ceraihan (1), (2) atau (3) pada masa ia diterima hendaklah juga dianggap sebagai telah dibuat pada masa itu jika ia dibetulkan dalam tempoh masa dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pendaftar.

(6) Pendaftar hendaklah, jika berpuas hati bahawa sesuatu permohonan itu mematuhi ceraihan-ceraian (1), (2) dan (3) —

(a) menyiarkan permohonan itu dan nama pengenalan yang dicadangkan bagi varieti tumbuhan mengikut cara yang ditetapkan; dan

(b) memberitahu pemohon mengenai penyiaran itu.

Keutamaan disebabkan permohonan asing

14. (1) Jika —

(a) pembiak baka suatu varieti tumbuhan telah membuat permohonan di mana-mana ahli UPOV selain daripada Negara Brunei Darussalam (disebut dalam bab ini sebagai permohonan asing itu) bagi pemberian perlindungan yang bersamaan; dan

(b) dalam tempoh 12 bulan selepas —

(i) tarikh permohonan asing itu dibuat; atau

(ii) jika lebih daripada satu permohonan asing telah dibuat (sama ada dalam seorang ahli UPOV atau lebih daripada seorang ahli UPOV), tarikh permohonan asing paling awal dibuat,

pembiak baka membuat permohonan bagi pemberian perlindungan berkaitan dengan varieti tumbuhan di Negara Brunei Darussalam,

pembiak baka boleh, apabila membuat permohonan itu di bawah Perintah ini, menuntut hak mendapat keutamaan dan bab-bab 21 dan 22 hendaklah dikenakan kepada permohonan bagi pemberian perlindungan di Negara Brunei Darussalam seolah-olah ia telah dibuat pada tarikh permohonan asing itu (atau permohonan asing paling awal) dibuat.

(2) Pembiak baka hendaklah, dalam tempoh tidak kurang daripada 3 bulan selepas membuat tuntutan hak mendapat keutamaan di bawah cerai (1), mengemukakan kepada Pendaftar satu salinan apa-apa dokumen yang merupakan permohonan asing itu, yang semestinya disahkan sebagai betul oleh pihak berkuasa dalam ahli UPOV yang kepadanya permohonan asing itu dibuat.

(3) Pembiak baka hendaklah diberikan —

(a) tempoh 2 tahun selepas tamatnya tempoh yang disebut dalam cerai (1)(b); atau

(b) jika permohonan asing itu (atau permohonan asing paling awal) ditolak atau ditarik balik, suatu tempoh yang akan ditentukan oleh Pendaftar selepas penolakan atau penarikan balik tersebut,

untuk mengemukakan dalam tempoh tersebut apa-apa maklumat yang perlu, dokumen atau bahan yang dikehendaki bagi tujuan pemeriksaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 66.

Penyiaran

15. Pendaftar hendaklah menyiarkan maklumat yang berikut mengikut cara yang ditetapkan dalam selangan waktu yang tetap —

- (a) permohonan bagi pemberian perlindungan;
- (b) nama pengenalan yang dicadangkan dan didaftarkan;
- (c) penarikan balik permohonan bagi pemberian perlindungan;
- (d) penolakan permohonan bagi pemberian perlindungan;
- (e) pemberian perlindungan yang dibuat;
- (f) apa-apa perubahan dalam pembiak baka atau wakil prosedur berkaitan dengan suatu varieti tumbuhan;
- (g) luputnya pemberian perlindungan;
- (h) lesen berhubung dengan pemberian perlindungan, jika berkenaan;
- (i) apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

Bantahan terhadap nama pengenalan dan pemberian perlindungan

16. (1) Mana-mana orang boleh, dalam tempoh yang ditetapkan selepas penyiaran nama pengenalan, dengan notis secara bertulis kepada Pendaftar, membantah terhadap kelulusan nama pengenalan itu.

(2) Mana-mana orang boleh, dalam tempoh yang ditetapkan selepas penyiaran permohonan bagi pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan, dengan notis secara bertulis kepada Pendaftar, membantah terhadap pembuatan pemberian berkaitan dengan varieti tumbuhan itu atas alasan bahawa varieti tumbuhan itu bukan baharu dalam makna bab 21.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat aturan-aturan untuk mengadakan peruntukan bagi prosiding bantahan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

(4) Jika seseorang yang tidak bermastautin atau tidak menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam membuat suatu bantahan di bawah bab ini, Pendaftar boleh menghendaki orang itu untuk memberikan jaminan bagi kos prosiding tersebut dan boleh, jika jaminan tidak diberi, menolak prosiding tersebut.

Pemeriksaan varieti tumbuhan

17. (1) Pendaftar boleh, dengan aturan-aturan yang ditetapkan di bawah bab 66, bagi tujuan memeriksa varieti tumbuhan itu, menghendaki pemohon, dalam tempoh yang ditetapkan selepas membuat permohonan untuk memberikan segala maklumat, dokumen atau bahan yang diperlukan.

(2) Semasa menjalankan pemeriksaan Pendaftar boleh —

(a) menyebabkan —

(i) pertumbuhan varieti;

(ii) dijalankan ujian lain yang perlu; atau

(b) mengambil kira keputusan ujian pertumbuhan atau percubaan lain yang telah pun dijalankan.

(3) Apa-apa keputusan untuk memberikan perlindungan menghendaki pemeriksaan bagi mematuhi syarat-syarat di bawah bab 21.

Penarikan balik atau luputnya permohonan

18. (1) Apa-apa permohonan boleh ditarik balik oleh pemohon pada bila-bila masa sebelum pemberian perlindungan dibuat berkaitan dengannya.

(2) Penarikan balik permohonan tidaklah menjejaskan liabiliti pemohon untuk membuat apa-apa bayaran yang mungkin telah menjadi kena dibayar sehingga tarikh penarikan balik itu.

(3) Tertakluk kepada bab 17(2)(b), jika apa-apa maklumat, dokumen atau bahan yang dikehendaki untuk diberikan kepada Pendaftar atau pihak berkuasa pemeriksaan yang ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini tidak diberikan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau pihak berkuasa pemeriksaan tempatan yang ditetapkan, mengikut mana yang berkenaan, yang menghendaki maklumat, dokumen atau bahan tersebut, permohonan yang berkenaan hendaklah luput apabila tamatnya tempoh itu.

Perlindungan sementara

19. Jika pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan telah dibuat di bawah bab 20, penerima pemberian hendaklah mempunyai hak untuk mengambil prosiding terhadap mana-mana orang yang, dalam tempoh antara permohonan bagi pemberian perlindungan di bawah bab 13 dan pemberian perlindungan itu telah menjalankan perbuatan-perbuatan yang, sebaik sahaja hak itu diberikan menghendaki kebenaran penerima pemberian berkaitan dengan varieti yang

dilindungi di bawah Perintah ini seolah-olah pemberian perlindungan telah dibuat pada tarikh penyiaran permohonan.

BAHAGIAN IV

PEMBERIAN DAN PEMBATALAN PERLINDUNGAN

Pembuatan pemberian perlindungan

20. (1) Pendaftar hendaklah —

(a) kecuali jika sesuatu permohonan itu telah ditarik balik atau telah luput di bawah bab 18, membuat pemberian perlindungan berkaitan dengan setiap permohonan yang layak bagi pembuatan pemberian perlindungan; dan

(b) menolak untuk membuat pemberian perlindungan berkaitan dengan setiap permohonan yang tidak layak bagi pembuatan pemberian perlindungan.

(2) Sesuatu permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai layak bagi pembuatan pemberian perlindungan jika, dan hanya jika —

(a) pemohon telah mematuhi bab-bab 13 dan 17, mengikut mana yang berkenaan; dan

(b) Pendaftar —

(i) telah meluluskan, bagi varieti tumbuhan yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat, nama pengenalan yang dicadangkan oleh pemohon di bawah bab 35;

(ii) berpuas hati bahawa pemohon adalah pembiak baka varieti tumbuhan itu; dan

(iii) berpuas hati bahawa varieti tumbuhan itu adalah baharu, berlainan, stabil dan seragam dalam makna bab 21.

Syarat-syarat pemberian perlindungan

21. (1) Bagi maksud bab-bab 16(2), 20(2)(b)(iii) dan 24(2)(a) —

(a) suatu varieti tumbuhan adalah baharu jika bahan tuaian atau pembiakan varieti tumbuhan itu belum dijual atau pun selainnya dilupuskan kepada orang lain, oleh atau dengan persetujuan pembiak baka bagi maksud-maksud pengeksploitan varieti tumbuhan itu —

- (i) di dalam Negara Brunei Darussalam, lebih awal daripada 12 bulan sebelum tarikh permohonan itu dibuat; dan
- (ii) di luar Negara Brunei Darussalam, lebih awal daripada 6 tahun sebelum tarikh itu dalam hal pokok atau tumbuhan menjalar, atau lebih awal daripada 4 tahun sebelum tarikh itu dalam sebarang hal lain;

(b) suatu varieti tumbuhan adalah berlainan jika varieti tumbuhan itu dapat dibezakan dengan jelas daripada mana-mana varieti tumbuhan lain yang kewujudannya merupakan suatu perkara yang diketahui umum pada masa permohonan itu dibuat;

(c) suatu varieti tumbuhan adalah stabil jika ciri-cirinya yang berkaitan masih tidak berubah selepas pembiakan berulang kali atau, dalam hal suatu kitaran pembiakan yang tertentu, pada penghujung setiap kitaran; dan

(d) suatu varieti tumbuhan adalah seragam jika, tertakluk kepada perubahan yang mungkin dijangka daripada sifat-sifat tertentu pembiakannya, varieti tumbuhan itu adalah cukup seragam dengan ciri-cirinya yang berkaitan.

(2) Jika, menurut bab 4, Perintah ini dikenakan kepada genus atau spesies tumbuhan yang tidak dikenakan dahulunya, varieti yang tergolong dalam genus atau spesies tumbuhan tersebut hendaklah dianggap telah memenuhi syarat kebaruan dalam cerai (1) walaupun jika penjualan atau pelupusan kepada orang lain oleh atau dengan persetujuan pembiak baka bagi maksud-maksud pengeksploitan varieti tumbuhan itu berlaku di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh 4 tahun sebelum tarikh pemfailan atau, dalam hal pokok atau tumbuhan menjalar, dalam tempoh 6 tahun sebelum tarikh tersebut.

(3) Cerai (2) hendaklah dikenakan hanya kepada permohonan bagi pemberian perlindungan yang difailkan dalam tempoh satu tahun, selepas Perintah ini dikenakan kepada genus atau spesies tumbuhan itu.

(4) Bagi maksud-maksud cerai (1)(a), jika, bagi menambah stok suatu varieti tumbuhan atau bagi apa-apa ujian suatu varieti tumbuhan, pembiak baka varieti tumbuhan itu membuat sebarang penyusunan yang di bawahnya —

(a) bahan pembiakan varieti tumbuhan itu akan dijual atau digunakan oleh orang lain; dan

(b) mana-mana bahagian bahan pembiakan itu yang tidak digunakan, dan segala bahan dari apa-apa jenis yang dihasilkan dari bahan pembiakan itu, —

- (i) akan dijual kepada pembiak baka oleh orang lain itu; atau

(ii) selainnya menjadi harta pembiak baka,

tidak boleh diambil kira dalam sebarang penjualan atau pelupusan di bawah penyusunan itu.

(5) Bagi maksud-maksud cerai (1)(a), suatu varieti tumbuhan tidak terhenti daripada menjadi baharu hanya oleh sebab penjualan atau pelupusan pada bila-bila masa —

(a) bahan yang bukan bahan pembiakan atau bahan tuaian; atau

(b) bahan pembiakan jika dijual atau dilupuskan sebagai hasil sampingan atau hasil lebih daripada pewujudan varieti tumbuhan itu, dengan syarat bahawa —

(i) bahan itu dijual atau dilupuskan tanpa pengenalan varieti bagi tujuan penggunaan; dan

(ii) setelah dihasilkan dalam masa pembiakan baka, penambahan stok, ujian, atau percubaan varieti tumbuhan itu, bahan itu tidak atau tidak lagi diperlukan bagi mana-mana aktiviti tersebut.

(6) Bagi maksud cerai (1)(b), khususnya, pembuatan permohonan di mana-mana negara atau wilayah bagi —

(a) pemberian perlindungan berkaitan dengan suatu varieti tumbuhan; atau

(b) memasukan suatu varieti tumbuhan dalam daftar rasmi varieti tumbuhan,

hendaklah dianggap sebagai menyebabkan varieti tumbuhan itu suatu perkara yang diketahui umum dari tarikh permohonan, dengan syarat bahawa permohonan itu membawa kepada pemberian perlindungan berkaitan dengan varieti tumbuhan itu atau memasukan varieti tumbuhan itu dalam daftar rasmi varieti tumbuhan, mengikut mana yang berkenaan.

Varieti dibiakkan atau ditemui dan dibangunkan secara bebas oleh 2 orang atau lebih

22. Jika —

(a) sebelum pemberian perlindungan dibuat berkaitan dengan mana-mana varieti tumbuhan, 2 permohonan atau lebih berkaitan dengan varieti tumbuhan itu telah dibuat;

(b) Pendaftar berpuas hati bahawa pemohon-pemohon yang berkenaan adalah orang yang membiakkan, atau menemui dan membangunkan, varieti tumbuhan itu secara bebas, atau pengganti-pengganti kepada orang itu; dan

(c) Pendaftar berpuas hati bahawa setiap seorang daripada pemohon-pemohon itu akan berhak terhadap pemberian perlindungan berkaitan dengan varieti tumbuhan itu,

Pendaftar hendaklah membuat pemberian perlindungan kepada pemohon yang permohonannya dibuat dahulu.

Tempoh pemberian perlindungan

23. (1) Pendaftar hendaklah mengendors dalam setiap pemberian perlindungan tarikh pemberian perlindungan itu.

(2) Tertakluk kepada bab-bab 24 dan 25, tempoh pemberian perlindungan adalah suatu tempoh selama 25 tahun dari tarikh pemberian perlindungan itu.

(3) Penerima pemberian hendaklah dalam tempoh pemberian perlindungan itu membuat bayaran tahunan dalam suatu amaun yang ditetapkan dan memberi maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan dan dalam tempoh yang ditetapkan.

Alasan ketidaksahan pemberian perlindungan

24. (1) Permohonan bagi pengisytiharan ketidaksahan sebarang pemberian perlindungan atas apa-apa alasan yang disebut dalam ceraiian (2) boleh dibuat oleh mana-mana orang kepada Mahkamah.

(2) Pemberian perlindungan hendaklah diisytiharkan sebagai tidak sah jika Mahkamah berpuas hati bahawa —

(a) varieti tumbuhan yang berkenaan adalah tidak baharu atau berlainan dalam makna bab 21 pada masa pemberian perlindungan itu;

(b) jika pemberian perlindungan itu pada dasarnya berasaskan kepada maklumat dan dokumen yang diberikan oleh pembiak baka, varieti tumbuhan itu tidak, pada masa pemberian perlindungan itu dibuat, stabil atau seragam dalam makna bab 21(1)(c) atau (d), masing-masing; atau

(c) pemberian perlindungan itu telah dibuat kepada seseorang yang tidak berhak terhadapnya, melainkan jika ia dipindahkan kepada orang yang berhak demikian.

(3) Pendaftar hendaklah mengeluarkan dari daftar sebarang pemberian perlindungan yang telah diisytiharkan sebagai tidak sah oleh Mahkamah di bawah bab ini.

Pembatalan pemberian perlindungan

25. (1) Permohonan bagi pembatalan sebarang pemberian perlindungan boleh dibuat oleh mana-mana orang —

(a) kepada Pendaftar, atas apa-apa alasan yang disebut dalam cerai (2); atau

(b) kepada Mahkamah, atas alasan yang disebut dalam cerai (3).

(2) Pemberian perlindungan hendaklah dibatalkan oleh Pendaftar pada bila-bila masa dalam tempoh pemberian perlindungan itu sekiranya —

(a) penerima pemberian, setelah diminta oleh Pendaftar untuk memberikan maklumat, dokumen atau bahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar bagi pengesahan penyelenggaraan varieti tumbuhan, gagal berbuat demikian dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar;

(b) dalam mana-mana tahun tertentu, bayaran tahunan yang dikehendaki di bawah bab 23(3) untuk dibayar, belum dibayar dalam tempoh yang ditetapkan; atau

(c) nama pengenalan dibatalkan selepas pemberian perlindungan itu dan penerima pemberian, setelah diminta oleh Pendaftar untuk mencadangkan nama pengenalan lain yang bersesuaian, gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan.

(3) Pemberian perlindungan hendaklah dibatalkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa dalam tempoh pemberian perlindungan itu sekiranya dibuktikan bahawa varieti tumbuhan itu tidak lagi stabil atau seragam dalam makna bab 21(1)(c) atau (d), masing-masing.

(4) Pendaftar hendaklah mengeluarkan dari daftar sebarang pemberian perlindungan yang telah dibatalkan di bawah bab ini.

Penolakan hak penerima pemberian

26. (1) Penerima pemberian boleh, secara bertulis kepada Pendaftar, menolak pemberian perlindungannya.

(2) Pendaftar hendaklah mengeluarkan dari daftar sebarang pemberian perlindungan yang telah ditolak di bawah cerai (1).

BAHAGIAN V

SKOP DAN JENIS PEMBERIAN PERLINDUNGAN

Skop dan jenis pemberian perlindungan

27. (1) Tertakluk kepada bab-bab 30 dan 31, penerima pemberian berkaitan dengan mana-mana varieti yang dilindungi adalah berhak menghalang seseorang daripada melakukan mana-mana perbuatan yang berikut berkaitan dengan bahan pembiakan varieti yang dilindungi tanpa kebenaran, dengan lesen atau pun selainnya, penerima pemberian —

(a) penghasilan dan penghasilan semula (penggandaan);

(b) menyesuaikan untuk tujuan pembiakan;

(c) menawarkan untuk jualan;

(d) menjual atau bentuk lain pemasaran;

(e) mengeksport;

(f) mengimport;

(g) menyimpan bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a) hingga (f).

(2) Penerima pemberian boleh memberikan kebenarannya tertakluk kepada syarat-syarat dan batasan-batasan.

(3) Pemberian perlindungan adalah harta persendirian dan boleh diserahkan atau dipindahkan dengan cara yang sama seperti harta persendirian lain.

(4) Penyerahan hak pemberian perlindungan di bawah cerai (3) tidak berkuat kuasa melainkan jika secara bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak penyerah hak.

(5) Tertakluk kepada cerai (6), suatu lesen yang diberikan oleh penerima pemberian berkaitan dengan mana-mana varieti yang dilindungi adalah terikat kepada setiap pemegang hak milik kepada kepentingan penerima pemberian —

(a) kecuali mana-mana orang yang, dengan suci hati dan tanpa apa-apa notis (sebenar atau konstruktif) lesen itu, telah memberikan balasan berharga bagi kepentingan ke atas pemberian perlindungan; atau

(b) melainkan jika lesen itu memperuntukkan selainnya,

dan sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada melakukan apa-apa jua dengan, atau tanpa, persetujuan penerima pemberian hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(6) Setiap orang hendaklah dianggap mendapat notis suatu lesen jika butir-butir yang ditetapkan bagi pemberian lesen itu dimasukkan dalam daftar di bawah bab 41.

(7) Tertakluk kepada bab-bab 30 dan 31, hak penerima pemberian di bawah cerai (1) hendaklah juga dikenakan kepada bahan tuaian, termasuk keseluruhan tumbuhan dan bahagian-bahagian tumbuhan, yang diperolehi melalui penggunaan tanpa kebenaran bahan pembiakan varieti yang dilindungi melainkan jika penerima pemberian ada mempunyai peluang yang munasabah, untuk menjalankan haknya berhubung dengan bahan pembiakan.

Varieti tumbuhan yang pada asasnya diterbitkan dan varieti tumbuhan lain yang tertentu

28. (1) Jika pemberian perlindungan dibuat di bawah bab 20, pemberian perlindungan itu hendaklah juga meliputi dan peruntukan-peruntukan bab 27 hendaklah dikenakan berhubung dengan —

(a) mana-mana varieti tumbuhan yang pada asasnya diterbitkan daripada varieti tumbuhan yang berkaitan dengannya pemberian perlindungan itu dibuat (disebut dalam bab ini sebagai varieti tumbuhan yang dilindungi);

(b) mana-mana varieti tumbuhan yang tidak dapat dibezakan dengan jelas menurut bab 21(1)(b) daripada varieti tumbuhan yang dilindungi; dan

(c) mana-mana varieti tumbuhan yang penghasilannya memerlukan penggunaan berulang kali varieti tumbuhan yang dilindungi.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu varieti tumbuhan hendaklah disifatkan sebagai pada asasnya diterbitkan daripada varieti lain (“varieti permulaan”) jika —

(a) kebanyakannya diterbitkan daripada varieti tumbuhan permulaan atau daripada suatu varieti tumbuhan yang kebanyakannya diterbitkan dengan sendirinya daripada varieti tumbuhan permulaan, sambil mengekalkan pemaparan ciri-ciri asas yang terhasil daripada genotip atau gabungan genotip varieti permulaan;

(b) dapat dibezakan dengan jelas daripada varieti tumbuhan permulaan; dan

(c) kecuali perbezaan yang timbul daripada perbuatan penerbitan, menepati varieti permulaan dalam pemaparan ciri-ciri asas yang terhasil daripada genotip atau gabungan genotip varieti permulaan.

Pelanggaran pemberian perlindungan

29. (1) Pemberian perlindungan dilanggar oleh mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan bab-bab 27 dan 28.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, relief yang boleh diberikan oleh Mahkamah dalam suatu tindakan kerana melanggar pemberian perlindungan termasuk suatu injunksi (tertakluk kepada terma-terma, jika ada, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah) dan sama ada ganti rugi atau suatu akaun keuntungan.

(3) Jika, dalam suatu tindakan di bawah bab ini –

(a) suatu pelanggaran pemberian perlindungan dibuktikan; dan

(b) Mahkamah berpuas hati bahawa adalah patut berbuat demikian, dengan mengambil kira –

(i) nyatanya pelanggaran itu;

(ii) apa-apa manfaat yang ditunjukkan sebagai telah terakru kepada defendan oleh sebab pelanggaran itu; dan

(iii) segala perkara lain yang berkaitan,

Mahkamah boleh, dalam menilai ganti rugi kerana pelanggaran itu, mengaward ganti rugi tambahan sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian dalam hal keadaan itu.

(4) Jika, dalam sebarang tindakan di bawah bab ini, terbukti atau diterima bahawa suatu pelanggaran dilakukan tetapi dibuktikan oleh defendan bahawa, pada masa pelanggaran itu, defendan tidak menyedari dan tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mengandaikan bahawa ia adalah suatu pelanggaran, plaintif tidaklah berhak di bawah bab ini mendapat apa-apa ganti rugi terhadap defendan berkaitan dengan pelanggaran itu, tetapi sebaliknya berhak mendapat suatu akaun keuntungan berkaitan dengan pelanggaran itu.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (4) boleh menjejaskan apa-apa hak penerima pemberian terhadap apa-apa relief berkaitan dengan pelanggaran hak penerima pemberian di bawah Perintah ini selain daripada ganti rugi.

Kekecualian kepada pelanggaran pemberian perlindungan

30. (1) Bukanlah suatu pelanggaran pemberian perlindungan berkaitan dengan suatu varieti yang dilindungi bagi mana-mana orang untuk melakukan —

(a) apa-apa perbuatan secara persendirian dan bagi tujuan bukan komersial;

(b) apa-apa perbuatan bagi sebarang tujuan uji kaji;

(c) apa-apa perbuatan bagi tujuan pembiakan baka mana-mana varieti tumbuhan lain, dan, kecuali jika peruntukan-peruntukan bab 28 dikenakan,

apa-apa perbuatan yang disebut di bawah bab 27 berkaitan dengan varieti lain itu.

(2) Bukanlah suatu pelanggaran pemberian perlindungan bagi mana-mana orang yang terlibat dalam aktiviti perladangan untuk menggunakan, bagi tujuan pembiakan, dalam batasan munasabah dan tertakluk kepada perlindungan kepentingan sah penerima pemberian, di atas kebunnya sendiri, varieti yang dilindungi atau suatu varieti yang diliputi oleh bab 28(1)(a) atau (b) jika —

(a) genus atau spesies tumbuhan yang tergolong dalam varieti yang dilindungi telah ditetapkan bagi maksud-maksud bab ini sebagai dikecualikan daripada hak-hak penerima pemberian; dan

(b) penggunaan bahan pembiakan berlaku menurut batasan munasabah yang ditetapkan dan cara yang ditetapkan untuk melindungi kepentingan sah penerima pemberian.

Kehabisan pemberian perlindungan

31. (1) Suatu perbuatan berkenaan dengan —

(a) apa-apa bahan suatu varieti yang dilindungi, atau suatu varieti yang diliputi oleh peruntukan-peruntukan bab 28, yang telah dijual atau pun selainnya dipasarkan di Negara Brunei Darussalam oleh atau dengan persetujuan penerima pemberian; atau

(b) apa-apa bahan yang diterbitkan daripada bahan tersebut,

tidak melanggar pemberian perlindungan, melainkan jika perbuatan tersebut melibatkan —

(i) pembiakan lanjut varieti itu; atau

- (ii) pengeksportan apa-apa bahan varieti itu, yang membolehkan pembiakan varieti yang dilindungi ke dalam sebuah negara atau wilayah yang tidak melindungi varieti genus atau spesies tumbuhan yang tergolong dalam varieti itu, kecuali jika bahan yang dieksport itu adalah untuk tujuan penggunaan terakhir.

(2) Dalam bab ini, “bahan” bermakna —

- (a) sebarang jenis bahan pembiakan;
- (b) bahan tuaian, termasuk keseluruhan tumbuhan dan bahagian-bahagian tumbuhan; dan
- (c) apa-apa produk yang dibuat langsung daripada bahan tuaian.

BAHAGIAN VI

KEBENARAN DAN LESEN WAJIB

Hak di bawah kebenaran

32. Jika seseorang itu telah dibenarkan untuk melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam bab 27(1) dengan lesen oleh penerima pemberian, orang itu hendaklah mempunyai hak-hak sama seperti penerima pemberian untuk mengambil prosiding berkaitan dengan sebarang pelanggaran hak-hak penerima pemberian itu berkaitan dengan varieti yang dilindungi yang menjejaskan apa-apa hak yang diberikan di bawah lesen itu dan dilakukan setelah kebenaran diberikan.

Lesen wajib

33. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Mahkamah bagi pemberian suatu lesen wajib untuk mengeksploitasi suatu varieti yang dilindungi di Negara Brunei Darussalam.

(2) Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi pemberian suatu lesen wajib, tertakluk kepada terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut, menurut permohonan di bawah ceraiian (1) jika, dan hanya jika, Mahkamah berpuas hati bahawa pemberian suatu lesen wajib adalah bagi kepentingan awam.

(3) Dengan tidak menghiraukan keluasan makna ceraiian (2), Mahkamah boleh menyatakan dalam perintahnya —

- (a) setakat mana varieti yang dilindungi itu boleh dieksploitasi; dan

(b) hak pemegang lesen untuk mendapatkan bahan pembiakan daripada penerima pemberian setakat yang munasabah.

(4) Mahkamah hendaklah menyatakan dalam perintahnya ganjaran saksama yang akan dibayar oleh pemegang lesen kepada penerima pemberian.

(5) Suatu lesen tidak boleh diberikan di bawah bab ini kepada mana-mana orang yang tidak dapat menunjukkan kepada Mahkamah bahawa dia akan dapat mengeksploitasi varieti yang dilindungi itu mengikut cara yang boleh diterima oleh Mahkamah.

(6) Tiada lesen boleh diberikan di bawah bab ini melainkan jika orang yang memohon lesen itu telah terlebih dahulu mengambil segala langkah yang munasabah untuk mendapatkan kebenaran daripada penerima pemberian atas terma-terma dan syarat-syarat komersial yang munasabah dan telah gagal mendapatkan kebenaran tersebut dalam tempoh masa yang munasabah.

(7) Suatu lesen yang diberikan di bawah bab ini tidaklah menghalang penerima pemberian daripada mengeksploitasi varieti yang dilindungi itu sendiri atau daripada memberikan suatu lesen dalam hal ini.

(8) Suatu lesen berkaitan dengan suatu varieti yang dilindungi yang diberikan di bawah bab ini boleh dipindah milik kepada orang lain, tetapi hanya berserta dengan aktiviti perniagaan yang berhubung dengannya varieti yang dilindungi itu dieksploitasi atau dimaksudkan untuk dieksploitasi.

(9) Mana-mana lesen yang diberikan di bawah bab ini boleh, atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan, ditamatkan oleh Mahkamah jika Mahkamah berpuas hati bahawa alasan lesen itu diberikan tidak lagi wujud.

BAHAGIAN VII

NOTIS PERLINDUNGAN

Notis perlindungan

34. (1) Jika pemohon menjual apa-apa bahan pembiakan varieti tumbuhan yang berkaitan dengannya permohonannya itu dimaksudkan, dia hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah, dengan cara pelabelan yang sesuai atau pengenalan lain bahan itu untuk memberitahu pembeli mengenai kewujudan permohonannya, melainkan jika dan sehingga permohonannya itu ditarik balik atau luput atau Pendaftar enggan membuat pemberian berkaitan dengan permohonan itu.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) telah memperoleh apa-apa hak berkaitan dengan mana-mana varieti tumbuhan di bawah bab 20, atau yang merupakan pemegang lesen kepada hak-hak tersebut; dan

(b) menjual apa-apa bahan pembiakan varieti tumbuhan itu,

hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah, dengan cara pelabelan yang sesuai atau pengenalan lain bahan itu, untuk memberitahu pembeli mengenai hak-hak tersebut.

(3) Dalam memutuskan, bagi maksud-maksud bab 29(4), sama ada atau tidak mana-mana orang mempunyai alasan yang munasabah untuk menganggap bahawa sebarang tindakan adalah suatu pelanggaran pemberian perlindungan, Mahkamah boleh mengambil kira setakat mana, jika ada, orang yang disebut dalam cerai (1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan, telah mematuhi cerai itu berkaitan dengan apa-apa bahan pembiakan yang berkenaan dengannya pelanggaran itu berlaku.

BAHAGIAN VIII

NAMA PENGENALAN

Kelulusan dan pendaftaran nama pengenalan

35. (1) Suatu varieti tumbuhan yang berkaitan dengannya permohonan bagi pemberian perlindungan dibuat hendaklah mempunyai nama pengenalan dan, tertakluk kepada cerai-cerai (2) dan (3), nama pengenalan itu hendaklah diluluskan oleh Pendaftar dan didaftarkan pada masa pemberian perlindungan itu dibuat.

(2) Pendaftar hendaklah meluluskan dan mendaftarkan cadangan nama pengenalan bagi suatu varieti tumbuhan jika, dan hanya jika, pada pendapat Pendaftar, ia mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan.

(3) Pendaftar tidak boleh meluluskan atau mendaftarkan nama pengenalan bagi varieti tumbuhan yang —

(a) hanya mengandungi angka, kecuali jika ini adalah amalan yang diadakan untuk menetapkan varieti tumbuhan;

(b) mungkin mengelirukan atau menyebabkan kekeliruan berhubung dengan ciri-ciri, nilai atau identiti varieti tumbuhan itu, atau identiti pembiak baka;

(c) bertentangan dengan sebarang undang-undang bertulis atau ketenteraman awam, atau mungkin menyinggung orang ramai;

(d) tidak berbeza daripada setiap nama pengenalan yang menetapkan, di negara atau wilayah mana-mana ahli UPOV, suatu varieti sedia ada dari spesies tumbuhan yang sama atau dari suatu spesies yang berkait rapat;

(e) menyentuh hak terdahulu orang ketiga, jika disebabkan hak terdahulu, penggunaan nama pengenalan suatu varieti adalah dilarang kepada seseorang yang, menurut peruntukan-peruntukan bab 36, diwajibkan menggunakannya, Pendaftar akan menghendaki pembiak baka untuk mengemukakan nama pengenalan lain bagi varieti itu.

(4) Jika nama pengenalan bagi suatu varieti tumbuhan telah dikemukakan dahulunya di mana-mana ahli UPOV selain daripada Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pendaftaran di ahli UPOV itu, nama pengenalan yang dikemukakan bagi tujuan permohonan di Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan varieti tumbuhan itu mestilah sama seperti nama pengenalan yang dikemukakan di ahli UPOV.

(5) Pendaftar hendaklah meluluskan nama pengenalan yang dikemukakan di bawah cerai (4) selepas pemberian perlindungan, melainkan jika Pendaftar berpendapat nama pengenalan itu sebagai tidak sesuai digunakan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(6) Jika Pendaftar enggan meluluskan nama pengenalan di bawah cerai (2), (3) atau (5), Pendaftar akan menghendaki, dan pemohon hendaklah mencadangkan, nama pengenalan lain dalam tempoh yang ditetapkan.

Penggunaan nama pengenalan

36. (1) Mana-mana orang yang menawarkan untuk jualan atau melupuskan bahan pembiakan suatu varieti yang dilindungi hendaklah menggunakan nama pengenalan berdaftar bagi varieti yang dilindungi itu, sama ada atau tidak tempoh pemberian perlindungan telah berakhir.

(2) Seseorang yang menjual atau memasarkan bahan pembiakan atau bahan tuaian suatu varieti yang dilindungi boleh, bagi maksud itu, mengaitkan suatu cap dagangan, nama dagangan atau penunjuk lain yang serupa yang dimilikinya dengan nama pengenalan berdaftar varieti yang dilindungi itu. Jika penunjuk tersebut dikaitkan demikian, nama pengenalan itu mestilah juga mudah dikenali.

Ketidaksahan pendaftaran nama pengenalan

37. (1) Permohonan bagi pengisytiharan ketidaksahan nama pengenalan berdaftar boleh dibuat kepada Mahkamah atas alasan bahawa ia didaftarkan dengan melanggar bab 35(3).

(2) Jika —

(a) pendaftaran nama pengenalan telah diisytiharkan sebagai tidak sah oleh Mahkamah di bawah ceraiian (1); atau

(b) penggunaan nama pengenalan berdaftar oleh penerima pemberian telah dilarang atau disekat oleh suatu perintah Mahkamah menurut mana-mana prosiding yang diambil di bawah sebarang undang-undang bertulis,

Pendaftar akan menghendaki penerima pemberian untuk mengemukakan nama pengenalan lain yang sesuai untuk pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN IX

DAFTAR VARIETI TUMBUHAN

Daftar hendaklah diselenggarakan

38. (1) Pendaftar hendaklah menyelenggarakan suatu daftar varieti tumbuhan.

(2) Maka hendaklah dimasukkan dalam daftar itu —

(a) pemberian perlindungan yang dibuat;

(b) setiap keputusan Pendaftar yang membuat atau enggan membuat pemberian;

(c) nama pengenalan yang diluluskan bagi suatu varieti tumbuhan;

(d) butir-butir penerima pemberian sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar; dan

(e) apa-apa perkara dan maklumat lain berkenaan dengan suatu varieti yang dilindungi atau pemberian perlindungan yang memasukannya dalam daftar itu pada pendapat Pendaftar sebagai berguna.

(3) Daftar itu boleh disimpan seluruhnya atau sebahagiannya dengan menggunakan komputer.

(4) Mana-mana rekod mengenai perkara tertentu atau perkara lain yang dibuat dengan menggunakan komputer yang digunakan bagi tujuan menyimpan

daftar itu, atau mana-mana bahagian daftar itu, adalah dianggap sebagai suatu catatan dalam daftar itu.

Pemeriksaan dan cabutan dari daftar

39. (1) Daftar itu hendaklah tersedia ada di Pejabat Pendaftaran bagi pemeriksaan oleh mana-mana orang semasa waktu apabila Pejabat Pendaftaran dibuka untuk perniagaan.

(2) Jika daftar itu, atau mana-mana bahagian daftar itu, disimpan dengan menggunakan komputer, cerai (1) dipenuhi jika orang yang mahu memeriksa daftar itu atau bahagian daftar itu diberikan akses kepada terminal komputer yang daripadanya dia boleh membaca pada skrin, atau mendapatkan satu salinan bercetak, butir-butir atau perkara lain yang direkodkan dalam daftar itu atau bahagian daftar itu.

(3) Mana-mana orang yang memohon satu salinan yang diperakui bagi suatu catatan dalam daftar itu atau satu cabutan yang diperakui dari daftar itu adalah berhak mendapatkan salinan atau cabutan tersebut setelah membuat bayaran yang ditetapkan.

(4) Mana-mana orang yang memohon satu salinan atau cabutan yang tidak diperakui adalah berhak mendapatkan salinan atau cabutan tersebut setelah membuat bayaran yang ditetapkan.

(5) Berhubung dengan mana-mana bahagian daftar itu yang disimpan melainkan dalam bentuk berdokumen, hak mendapat satu salinan atau cabutan yang diberikan oleh cerai (3) atau (4) adalah hak mendapat satu salinan atau cabutan dalam bentuk bagaimana ia boleh diambil.

(6) Dalam bab ini, "salinan yang diperakui" dan "cabutan yang diperakui" bermakna satu salinan dan cabutan yang diperakui oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterai Pendaftar.

Pembetulan daftar

40. (1) Mana-mana orang yang mempunyai suatu kepentingan yang mencukupi boleh memohon kepada Pendaftar bagi pembetulan suatu kesilapan atau peninggalan dalam daftar itu.

(2) Kecuali jika Pendaftar mengarahkan selainnya, kesan suatu pembetulan daftar itu adalah bahawa kesilapan atau peninggalan yang berkenaan dianggap sebagai tidak pernah dibuat.

(3) Tertakluk kepada cerai (4), permohonan bagi pembetulan tidak boleh dibuat berkaitan dengan suatu perkara yang menjejaskan kesahan pemberian perlindungan.

(4) Pendaftar boleh membuat sebarang pembetulan dalam daftar itu menurut mana-mana perintah Mahkamah yang menyentuh pemberian perlindungan.

(5) Pendaftar boleh mengeluarkan dari daftar itu apa-apa perkara yang pada pendapatnya telah terhenti daripada berkuat kuasa.

Perubahan ditunjukkan dalam daftar

41. (1) Pendaftar boleh memasukkan dalam daftar itu seperti yang berikut –

(a) sebarang perubahan nama atau alamat penerima pemberian;

(b) sebarang perubahan pemilikan hak berhubung dengan pemberian perlindungan;

(c) suatu nota mengenai mana-mana lesen yang diberikan oleh penerima pemberian,

setelah menerima maklumat tersebut di bawah bab 23(3) atau atas permintaan yang dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh penerima pemberian bagi pemberian perlindungan berdaftar.

(2) Jika pemberian perlindungan telah dipindahkan kepada orang lain, atau suatu lesen (termasuk suatu lesen yang diberikan di bawah bab 33) telah diberikan atau dipindahkan, suatu catatan mengenai fakta ini hendaklah, atas permintaan dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, dibuat dalam daftar itu.

Pendaftaran adalah keterangan *prima facie* mengenai kesahan

42. Dalam mana-mana prosiding di hadapan Mahkamah berkenaan dengan pemberian perlindungan –

(a) memasukan seseorang sebagai penerima pemberian dalam daftar itu adalah keterangan *prima facie* mengenai kesahan pemberian perlindungan itu; dan

(b) memasukan dalam daftar itu sebarang perubahan pemilikan hak berhubung dengan pemberian perlindungan itu adalah keterangan *prima facie* mengenai perubahan pemilikan tersebut.

BAHAGIAN X

KESALAHAN

Pemalsuan daftar

43. Mana-mana orang yang —

(a) membuat, atau menyebabkan dibuat, suatu catatan palsu dalam daftar itu;

(b) membuat, atau menyebabkan dibuat, apa-apa perkara palsu yang dikatakan sebagai satu salinan suatu catatan dalam daftar; atau

(c) mengemukakan atau memberikan, atau menyebabkan dikemukakan atau diberikan sebagai keterangan apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (b),

mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa catatan atau perkara itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Menyatakan dengan salah varieti tumbuhan sebagai varieti yang dilindungi

44. Mana-mana orang yang —

(a) menyatakan dengan salah bahawa suatu varieti tumbuhan adalah varieti yang dilindungi; atau

(b) membuat suatu pernyataan yang salah tentang bahan pembiakan suatu varieti yang dilindungi,

mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pernyataan itu adalah salah adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000.

Penyalahgunaan nama pengenalan

45. Mana-mana orang yang bertindak dengan sengaja atau cuai dengan melanggar bab 36(1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000.

BAHAGIAN XI

BANTUAN OLEH PIHAK BERKUASA SEMPADAN

Tafsiran Bahagian ini

46. Dalam Bahagian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pegawai yang diberi kuasa” bermakna —

(a) seorang pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006);

(b) mana-mana pegawai atau golongan atau perihalan pegawai yang dilantik oleh Menteri dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberikan dan dikenakan kepada pegawai yang diberi kuasa oleh Bahagian ini;

“Pengawal” mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya seperti dalam bab 2 dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006);

“barang-barang dalam transit” bermakna barang-barang yang diimport, sama ada atau tidak didaratkan atau dipindah kapal di dalam Negara Brunei Darussalam, yang akan dibawa ke negara atau wilayah lain sama ada dengan pengangkutan yang sama atau lain;

“tindakan pelanggaran” bermakna suatu tindakan pelanggaran berkaitan dengan pemberian perlindungan;

“pembantah”, berkenaan dengan barang-barang rampasan tertentu, bermakna orang yang memberikan notis di bawah bab 47 yang disebabkan pemberiannya barang-barang itu dirampas;

“tuan punya”, berkenaan dengan suatu varieti tumbuhan yang dilindungi, termasuk penerima pemberian;

“tempoh tahanan”, berkenaan dengan barang-barang rampasan, bermakna —

(a) tempoh yang dinyatakan dalam suatu notis yang diberikan di bawah bab 50 berkaitan dengan barang-barang itu; atau

(b) jika tempoh itu telah dilanjutkan di bawah bab 50, tempoh yang dilanjutkan itu;

“barang-barang rampasan” bermakna barang-barang yang dirampas di bawah bab 47.

Sekatan pengimportan barang-barang langgaran

47. (1) Seseorang yang merupakan pembiak baka atau penerima pemberian boleh memberikan kepada Pengawal suatu notis bertulis —

(a) yang menyatakan bahawa dia adalah —

(i) pembiak baka; atau

(ii) penerima pemberiannya yang berkuasa untuk memberikan notis tersebut;

(b) yang menyatakan bahawa barang-barang yang, berhubung dengan varieti tumbuhan yang dilindungi, merupakan barang-barang langgaran dijangka akan diimport;

(c) yang memberikan maklumat yang mencukupi —

(i) untuk mengenal pasti barang-barang itu;

(ii) untuk mengenal pasti pengimport;

(iii) untuk membolehkan Pengawal memastikan bila dan di mana barang-barang itu dijangka akan diimport; dan

(iv) untuk memuaskan hati Pengawal bahawa barang-barang itu adalah barang-barang langgaran; dan

(d) yang menyatakan bahawa dia membantah pengimportan barang-barang itu.

(2) Suatu notis yang diberikan di bawah cerai (1) hendaklah disokong dengan dokumen dan maklumat, dan disertakan dengan bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini.

(3) Suatu notis di bawah cerai (1) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga berakhirnya tempoh 60 hari yang bermula pada hari notis itu diberikan, melainkan jika notis itu dibatalkan, sebelum berakhirnya tempoh itu, dengan notis secara bertulis yang diberikan kepada Pengawal —

(a) jika orang yang memberikan notis yang mula-mula disebutkan adalah penerima pemberian berkenaan dengan varieti tumbuhan yang dilindungi dan dia berkuasa untuk membatalkan notis itu, oleh penerima pemberian itu;

(b) dalam sebarang hal lain, oleh orang yang pada masa itu pembiak baka.

(4) Jika —

(a) suatu notis telah diberikan di bawah bab ini berkaitan dengan suatu varieti yang dilindungi;

(b) notis itu belum luput atau dibatalkan; dan

(c) seseorang itu mengimport barang-barang, bukannya barang-barang dalam transit, yang mempunyai suatu tanda yang, atau yang bungkusannya mempunyai suatu tanda yang, pada pendapat pegawai yang diberi kuasa, serupa atau sama dengan varieti tumbuhan yang dilindungi yang berkenaan itu,

maka pegawai yang diberi kuasa boleh merampas barang-barang itu.

(5) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk mengadakan peruntukan bagi —

(a) borang-borang notis di bawah bab ini;

(b) masa-masa, dan cara bagaimana, notis-notis akan diberikan; dan

(c) pemberian maklumat dan keterangan kepada Pengawal.

Jaminan bagi liabiliti atau perbelanjaan perampasan

48. Pegawai yang diberi kuasa boleh enggan merampas barang-barang di bawah bab 47 melainkan jika —

(a) pembantah telah menandatangani dengan Pengawal suatu jumlah wang yang, pada pendapat Pengawal, mencukupi untuk —

(i) membayar balik kepada Kerajaan bagi apa-apa liabiliti atau perbelanjaan yang mungkin dilakukannya disebabkan perampasan barang-barang itu; dan

(ii) membayar pampasan sebagaimana yang mungkin diperintahkan oleh Mahkamah di bawah bab 54 atau 55(6); atau

(b) pembantah telah memberikan jaminan, sehingga memuaskan hati Pengawal, untuk membayar balik kepada Kerajaan bagi apa-apa liabiliti atau perbelanjaan itu dan pembayaran pampasan tersebut.

Penyimpanan selamat barang-barang rampasan

49. Barang-barang rampasan hendaklah dibawa ke tempat selamat sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal.

Notis rampasan

50. (1) Dengan seberapa segeranya selepas barang-barang itu dirampas di bawah bab 47, Pengawal hendaklah memberikan kepada pengimport dan pembantah, sama ada sendiri atau melalui pos, suatu notis bertulis yang mengenal pasti barang-barang itu dan menyatakan bahawa barang-barang itu telah dirampas.

(2) Suatu notis di bawah ceraiian (1) hendaklah menyatakan bahawa barang-barang itu akan dilepaskan kepada pengimport melainkan jika —

(a) suatu tindakan pelanggaran berkaitan dengan barang-barang itu dimulakan oleh pembantah dalam tempoh yang ditentukan dari hari yang ditentukan dalam notis itu; dan

(b) pembantah memberikan notis bertulis kepada Pengawal dalam tempoh itu yang menyatakan bahawa tindakan pelanggaran itu telah dimulakan.

(3) Tempoh yang akan ditentukan bagi maksud ceraiian (2)(a) adalah tempoh yang ditetapkan bagi maksud-maksud perenggan itu.

(4) Hari yang ditentukan bagi maksud-maksud ceraiian (2)(a) tidaklah lebih awal daripada hari notis itu diberikan.

(5) Pembantah boleh, dengan notis bertulis yang diberikan kepada Pengawal sebelum berakhirnya tempoh yang ditentukan dalam suatu notis bagi maksud-maksud ceraiian (2)(a) (tempoh permulaan), meminta supaya tempoh itu dilanjutkan.

(6) Tertakluk kepada ceraiian (7), jika —

(a) permintaan dibuat menurut ceraiian (5); dan

(b) Pengawal berpuas hati bahawa adalah munasabah supaya permintaan itu dibenarkan,

maka Pengawal boleh melanjutkan tempoh permulaan dengan tempoh sebagaimana yang ditetapkan.

(7) Keputusan mengenai permintaan yang dibuat menurut ceraiian (5) mestilah dibuat dalam tempoh 2 hari bekerja selepas permintaan itu dibuat, tetapi

keputusan tersebut tidak boleh dibuat selepas berakhirnya tempoh permulaan yang dimaksudkan oleh permintaan itu.

Pemeriksaan, pelepasan dll. barang-barang rampasan

51. (1) Pengawal boleh membenarkan pembantah atau pengimport untuk memeriksa barang-barang rampasan.

(2) Jika pembantah memberikan aku janji yang diperlukan, Pengawal boleh membenarkan pembantah untuk memindahkan suatu sampel barang-barang rampasan daripada jagaan Pengawal bagi pemeriksaan oleh pembantah.

(3) Jika pengimport memberikan kepada Pengawal aku janji yang diperlukan, Pengawal boleh membenarkan pengimport untuk memindahkan suatu sampel barang-barang rampasan daripada jagaan Pengawal bagi pemeriksaan oleh pengimport.

(4) Aku janji yang diperlukan adalah aku janji secara bertulis bahawa orang yang memberi aku janji itu akan —

(a) mengembalikan sampel itu kepada Pengawal pada masa yang ditentukan yang memuaskan hati Pengawal; dan

(b) berhati-hati yang munasabah untuk mencegah kerosakan pada sampel itu.

(5) Jika Pengawal membenarkan pemeriksaan barang-barang rampasan, atau pemindahan suatu sampel, oleh pembantah menurut bab ini, Pengawal tidak bertanggung kepada pengimport bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pengimport yang timbul daripada —

(a) kerosakan pada mana-mana barang rampasan yang dilakukan semasa pemeriksaan itu; atau

(b) apa-apa jua yang dilakukan oleh pembantah atau apa-apa yang lain pada, atau berkenaan dengan, suatu sampel yang dipindahkan daripada jagaan Pengawal atau sebarang penggunaan yang dibuat oleh pembantah terhadap sampel tersebut.

Perlucutan hak barang-barang rampasan dengan persetujuan

52. (1) Tertakluk kepada cerai (2), pengimport boleh, dengan notis bertulis kepada Pengawal, mempersetujui bagi barang-barang rampasan dilucut hak kepada Kerajaan.

(2) Notis itu hendaklah diberikan sebelum apa-apa tindakan pelanggaran berkenaan dengan barang-barang rampasan dimulakan.

(3) Jika pengimport memberikan notis tersebut, barang-barang rampasan dilucut hak kepada Kerajaan dan hendaklah dilupuskan —

(a) mengikut cara yang ditetapkan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini; atau

(b) jika cara pelupusan tidak ditetapkan, sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal.

Pelepasan wajib barang-barang rampasan kepada pengimport

53. (1) Pengawal hendaklah melepaskan barang-barang rampasan (bukannya barang-barang yang dilucut hak kepada Kerajaan di bawah bab 52) kepada pengimport apabila tamatnya tempoh tahanan bagi barang-barang itu jika pembantah belum, sebelum tamatnya tempoh itu —

(a) memulakan suatu tindakan pelanggaran berkenaan dengan barang-barang itu; dan

(b) memberikan notis bertulis kepada Pengawal yang menyatakan bahawa tindakan itu telah dimulakan.

(2) Jika —

(a) suatu tindakan pelanggaran telah dimulakan berkenaan dengan barang-barang rampasan; dan

(b) pada berakhirnya tempoh 20 hari yang bermula pada hari tindakan itu dimulakan, tiada berkuat kuasa suatu perintah Mahkamah di mana tindakan itu dimulakan bagi menghalang pelepasan barang-barang itu,

maka Pengawal hendaklah melepaskan barang-barang itu kepada pengimport.

(3) Jika pembantah memberikan notis bertulis kepada Pengawal yang menyatakan bahawa dia bersetuju dengan pelepasan barang-barang rampasan, Pengawal hendaklah melepaskan barang-barang itu kepada pengimport.

(4) Bab ini mempunyai kuat kuasa tertakluk kepada bab 56.

Pampasan kerana gagal mengambil tindakan

54. (1) Jika barang-barang telah dirampas menurut suatu notis yang diberikan di bawah bab 47 dan pembantah yang berkenaan gagal mengambil tindakan pelanggaran dalam tempoh tahanan bagi barang-barang itu, orang yang tidak puas hati dengan perampasan itu boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah pampasan terhadap pembantah.

(2) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa pemohon telah mengalami kerugian atau kerosakan disebabkan perampasan barang-barang itu, Mahkamah boleh memerintahkan pembantah untuk membayar pampasan dalam amaun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah kepada pemohon.

Tindakan kerana pelanggaran pemberian perlindungan

55. (1) Mahkamah di mana suatu tindakan pelanggaran belum diputuskan boleh, atas permohonan orang yang mempunyai suatu kepentingan yang mencukupi dalam hal perkara tindakan itu, membenarkan orang itu untuk dicantumkan sebagai defendan dalam tindakan itu.

(2) Pegawai yang diberi kuasa berhak didengar dalam pendengaran suatu tindakan pelanggaran.

(3) Sebagai tambahan kepada apa-apa relief yang mungkin diberikan selain daripada bab ini, Mahkamah boleh —

(a) pada bila-bila masa, memerintahkan supaya barang-barang rampasan dilepaskan kepada pengimport tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

(b) memerintahkan supaya barang-barang rampasan tidak dilepaskan kepada pengimport sebelum berakhirnya tempoh yang ditentukan; atau

(c) memerintahkan supaya barang-barang rampasan dilucut hak kepada Kerajaan.

(4) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah di bawah ceraiian (3)(a) jika berpuas hati bahawa Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa berkanun dikehendaki atau dibenarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis lain untuk mengekalkan kawalan ke atas barang-barang rampasan.

(5) Pengawal hendaklah mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah ceraiian (3).

(6) Jika —

(a) tindakan itu ditolak atau diberhentikan, atau jika Mahkamah memutuskan bahawa varieti tumbuhan yang dilindungi yang berkaitan tidak dilanggar dengan pengimportan barang-barang rampasan; dan

(b) defendan dalam tindakan pelanggaran itu memuaskan hati Mahkamah bahawa dia telah mengalami kerugian atau kerosakan disebabkan perampasan barang-barang itu,

maka Mahkamah boleh memerintahkan pembantah untuk membayar pampasan dalam amaun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah kepada defendan itu.

Pengekalan kawalan ke atas barang-barang rampasan

56. Dengan tidak menghiraukan bab 53, dalam suatu kes di mana tiada perintah dibuat di bawah bab 55 berkenaan dengan barang-barang rampasan, Pengawal tidak diwajibkan melepaskan atau melupuskan barang-barang itu jika Kerajaan dikehendaki atau dibenarkan, di bawah sebarang undang-undang bertulis lain, untuk mengekalkan kawalan ke atas barang-barang itu.

Pelupusan barang-barang rampasan yang diperintahkan untuk dilucut hak

57. Jika Mahkamah memerintahkan bahawa barang-barang rampasan akan dilucut hak kepada Kerajaan, barang-barang itu hendaklah dilupuskan –

(a) mengikut cara yang ditetapkan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini; atau

(b) jika cara pelupusan tidak ditetapkan, sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal.

Jaminan tidak mencukupi

58. (1) Jika perbelanjaan munasabah yang dilakukan oleh Pengawal berkenaan dengan sebarang tindakan yang diambil oleh Pengawal di bawah Bahagian ini, atau diambil menurut suatu perintah Mahkamah di bawah Bahagian ini melebihi amaun yang didepositkan, atau amaun jaminan yang diberikan, di bawah bab 48, amaun berlebihan itu adalah suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(2) Hutang yang diwujudkan oleh cerai (1) adalah kena dibayar oleh pembantah, atau, jika terdapat dua atau lebih pembantah, oleh pembantah-pembantah bersesama dan berasingan.

Penahanan dan pemeriksaan barang-barang

59. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 47(4), mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh –

(a) menahan apa-apa barang –

(i) yang diimport ke dalam, atau yang akan dieksport dari, Negara Brunei Darussalam; dan

(ii) yang bukan barang-barang dalam transit, melainkan jika barang-barang itu dikonsaikan kepada mana-mana orang yang

secara komersial atau fizikal berada di Negara Brunei Darussalam; atau

(b) memeriksa apa-apa barang, termasuk barang-barang dalam transit, yang disyaknya dengan munasabah adalah barang-barang langgaran berkenaan dengan pemberian perlindungan.

(2) Dengan seberapa segeranya selepas barang-barang ditahan di bawah ceraiian (1)(a), Pengawal hendaklah memberikan —

(a) kepada pengimport, pengeksport atau penerima konsainan, mengikut mana yang berkenaan, barang-barang yang ditahan itu; dan

(b) kepada pembiak baka varieti yang dilindungi,

suatu notis bertulis yang mengenal pasti barang-barang itu, dengan mengatakan bahawa barang-barang itu telah ditahan dan menyatakan perkara-perkara yang disebut dalam ceraiian (3).

(3) Barang-barang yang ditahan itu hendaklah dilepaskan kepada pengimport, pengeksport atau penerima konsainan, mengikut mana yang berkenaan, barang-barang itu, melainkan jika, dalam tempoh yang ditetapkan, penerima pemberian berkenaan dengan varieti tumbuhan yang dilindungi —

(a) dalam hal barang-barang yang diimport ke dalam Negara Brunei Darussalam dan yang bukan barang-barang dalam transit —

(i) memberikan kepada Pengawal suatu notis bertulis yang disebut dalam bab 47(1);

(ii) mengemukakan dokumen dan maklumat, dan membuat bayaran, yang disebut dalam bab 47(2);

(iii) mendepositkan dengan Pengawal jumlah wang yang disebut dalam bab 48(a) atau memberikan jaminan yang disebut dalam bab 48(b); atau

(b) dalam hal barang-barang yang akan dieksport dari Negara Brunei Darussalam atau barang-barang dalam transit yang dikonsainkan kepada seseorang yang secara komersial atau fizikal berada di Negara Brunei Darussalam —

(i) memulakan suatu tindakan kerana pelanggaran berkaitan dengan pemberian perlindungannya;

- (ii) menyampaikan kepada Pengawal suatu perintah Mahkamah yang membenarkan penahanan lanjut barang-barang itu; dan
- (iii) mendepositkan dengan Pengawal suatu jumlah wang yang, pada pendapat Pengawal, mencukupi untuk —
 - (A) membayar balik kepada Kerajaan bagi apa-apa liabiliti atau perbelanjaan yang telah dilakukannya dan mungkin dilakukan selanjutnya olehnya disebabkan penahanan barang-barang itu; dan
 - (B) membayar pampasan kepada mana-mana orang yang mengalami kerugian atau kerosakan disebabkan penahanan barang-barang itu sebagaimana yang mungkin diperintahkan oleh Mahkamah; atau

memberi jaminan, sehingga memuaskan hati Pengawal, untuk membayar balik kepada Kerajaan bagi apa-apa liabiliti atau perbelanjaan itu dan pembayaran pampasan tersebut.

(4) Setiap perintah Mahkamah yang membenarkan penahanan lanjut barang-barang di bawah ceraiian (3)/b/(ii) hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa penerima pemberian mematuhi ceraiian (3)/b/(iii) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah ceraiian (3).

(5) Jika Mahkamah telah membuat suatu perintah yang membenarkan penahanan lanjut barang-barang di bawah ceraiian (3)/b) —

(a) barang-barang yang ditahan itu hendaklah dibawa ke tempat selamat sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal; dan

(b) bab-bab 51, 52 dan 54 hingga 58 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada penahanan lanjut barang-barang itu, dan bagi maksud-maksud pengenaan itu —

- (i) sebarang sebutan kepada pembantah hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada penerima pemberian berkenaan dengan pemberian perlindungan;
- (ii) sebarang sebutan kepada pengimport hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada pengeksport atau penerima konsainan, mengikut mana yang berkenaan, barang-barang yang ditahan itu;
- (iii) sebarang sebutan kepada barang-barang rampasan hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada barang-barang yang ditahan itu;

- (iv) sebarang sebutan kepada perampasan barang-barang hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada penahanan atau penahanan lanjut barang-barang itu;
- (v) sebarang sebutan kepada import atau pengimportan barang-barang hendaklah dibaca —
 - (A) dalam hal barang-barang yang akan diekspor dari Negara Brunei Darussalam, sebagai suatu sebutan kepada pengeksporan barang-barang itu; atau
 - (B) dalam hal barang-barang dalam transit yang dikonsainkan kepada seseorang yang secara komersial atau fizikal berada di Negara Brunei Darussalam, sebagai suatu sebutan kepada import, pengimportan atau pengeksporan, barang-barang itu oleh penerima konsainan;
- (vi) sebarang sebutan kepada tindakan pelanggaran hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada suatu tindakan kerana pelanggaran varieti tumbuhan yang dilindungi di bawah ceraian (3)/b/i); dan
- (vii) sebarang sebutan kepada tempoh tahanan hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada tempoh yang ditetapkan di bawah ceraian (3).

BAHAGIAN XII

AM

Pendaftar tidak bertanggung berkaitan dengan perbuatan rasmi

60. (1) Pendaftar dan mana-mana pegawai Pejabat Pendaftaran tidak boleh dianggap sebagai menjamin ketepatan atau kesahan pemberian perlindungan atau pendaftaran nama pengenalan di bawah Perintah ini atau di bawah mana-mana perjanjian atau konvensyen antarabangsa yang Negara Brunei Darussalam adalah ahlinya.

(2) Pendaftar, mana-mana pegawai Pejabat Pendaftaran dan mana-mana pegawai pihak berkuasa pemeriksaan tempatan yang ditetapkan yang disebut dalam bab 17(1), tidaklah menanggung apa-apa liabiliti hanya dengan sebab, atau berhubung dengan, sebarang pemeriksaan yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini, atau mana-mana perjanjian atau konvensyen antarabangsa tersebut, atau mana-mana laporan atau prosiding lain yang berbangkit daripada pemeriksaan itu.

Hak untuk merayu

61. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam cerai (2) atau oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini, maka tidaklah ada rayuan kepada Mahkamah dari suatu keputusan Pendaftar bagi apa-apa perkara di bawah Perintah ini.

(2) Yang berikut hendaklah tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah —

(a) suatu keputusan Pendaftar untuk enggan membuat pemberian perlindungan;

(b) suatu keputusan Pendaftar untuk membuat pemberian perlindungan;

(c) suatu keputusan Pendaftar yang meluluskan atau tidak meluluskan nama pengenalan yang dicadangkan.

Borang dan arahan Pendaftar

62. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan bagi penyiaran oleh Pendaftar —

(a) borang-borang yang akan digunakan bagi sebarang tujuan berkenaan dengan pemberian perlindungan atau mana-mana prosiding lain di hadapan Pendaftar di bawah Perintah ini; dan

(b) arahan amalan yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

Bayaran

63. (1) Maka hendaklah dibayar berkaitan dengan permohonan dan perkara lain di hadapan Pendaftar di bawah Perintah ini bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan tentang peremitan bayaran di bawah hal keadaan yang ditetapkan.

Komposisi kesalahan

64. (1) Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis boleh, atas budi bicaranya, mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$2,000.

(2) Pendaftar boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

(3) Setelah jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.

Bidang kuasa Mahkamah

65. Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan yang bertentangan dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggala 7), Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini dan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti atau hukuman penuh berkaitan dengan kesalahan itu.

Aturan-aturan

66. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan —

(a) bagi menetapkan apa-apa jua yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Perintah ini untuk ditetapkan; dan

(b) pada amnya bagi mengawal selia amalan dan prosedur di bawah Perintah ini.

(2) Dengan tidak menghiraukan keluasan makna ceraiian (1), aturan-aturan yang dibuat di bawah bab ini boleh membuat peruntukan —

(a) tentang cara membuat permohonan dan memfailkan dokumen lain dan berkaitan dengan apa-apa jua yang mesti disertakan atau akan diberikan bersama dengan apa-apa permohonan;

(b) tentang prosedur yang akan diikuti berhubung dengan apa-apa permohonan atau permintaan kepada Pendaftar atau berhubung dengan mana-mana prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar, dan pembetulan ketidakteraturan prosedur;

(c) yang memperuntukkan bagi pemeriksaan, ujian dan rawatan varieti tumbuhan yang dimaksudkan oleh permohonan itu;

(d) yang menghendaki dan mengawal selia terjemahan dokumen dan pemfailan dan pengesahan mana-mana terjemahan;

(e) tentang penyampaian dokumen;

(f) yang menetapkan had masa bagi apa-apa jua yang dikehendaki untuk dilakukan di bawah Perintah ini;

(g) yang memperuntukkan bagi lanjutan mana-mana had masa yang ditetapkan atau ditentukan oleh Pendaftar, sama ada atau tidak ia telah pun tamat tempohnya;

(h) yang memperuntukkan bagi perlucutan hak mana-mana keutamaan yang diberikan berkaitan dengan sesuatu permohonan;

(i) yang membenarkan penyediaan, penyiaran, penjualan dan pertukaran salinan gambar rajah, fotograf dan dokumen yang difailkan dengan Pejabat Pendaftaran, dan indeks dan ringkasannya;

(j) yang menetapkan cara menyiarkan apa-apa perkara yang dikehendaki oleh Perintah ini untuk disiarkan;

(k) yang menetapkan kehendak-kehendak yang akan dipenuhi dalam memilih nama pengenalan varieti tumbuhan, dan memperuntukkan bagi kelulusan atau penolakan oleh Pendaftar apa-apa nama pengenalan atau pindaan kepada mana-mana nama pengenalan; dan

(l) yang menetapkan bayaran dan caj bagi maksud-maskud Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 13 haribulan April, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**